Projek terminal bas ekspres di hadapan kawasan tapak pesta Pulau Pinang di Bayan Baru telah siap pada bulan Jun 2004. Projek yang menelan belanja sebanyak RM5.8 juta merupakan sebuah bangunan dua tingkat yang mempunyai kemudahan seperti gerai-gerai, kedai makan, kaunter tiket, surau pondok polis dan lif. Sementara itu 34 lot bas ekspres ditempatkan di tingkat bawah bangunan. Dengan beroperasi sepenuhnya bas terminal itu dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas yang berlaku di Bandar George Town.

Projek Pembangunan yang sedang dijalankan ialah projek 'Little India. Projek ini telah dibiayai melalui peruntukan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di bawah Rancangan Malaysia Ke- 8 tahun 2001/2005. Tujuan projek ini adalah untuk memajukan kawasan 'Little India' sebagai pusat perdagangan, kebudayaan dan destinasi pelancongan yang unggul di Pulau Pinang. Projek pembangunan pelancongan yang telah disiapkan ialah kerja-kerja menaiktaraf kawasan Lebuh Acheh dan Lebuh Armenium yang berjumlah RM6 juta pada bulan Jun 2004.

Selain itu peruntukan disediakan bagi projek-projek untuk kemudahan awam iaitu pengambilan tanah Bayan Lepas/Titi Kerawang untuk tujuan pelaksanaan Taman Masyarakat sebanyak RM11 juta, cadangan projek pejalan kaki di Jalan Penang sebanyak RM2 juta, pembinaan jambatan baru di Sungai Pinang, pengubahsuaian Stadium Bandaraya Fasa 2 dan pembinaan mini stadium di Kompleks Sukan Balik Pulau. Majlis cadang dalam proses mengenalpasti tapak yang sesuai untuk pembinaan sebuah kompleks penjaja dan tempat letak kereta di Padang Tembak. Tujuan projek ini ialah untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas, menyediakan kemudahan tempat letak kereta, penyusunan semula para peniaga, kawasan rekreasi dan kemudahan komuniti. Sebagai permulaan peruntukan melalui tabung sumbangan tempat letak kereta akan digunakan.

Majlis juga memperuntukan RM500,000 pada tahun 2004 untuk tujuan kajian dan juruperunding bagi projek sebuah kompleks 5 tingkat di Lebuh Victoria/Pengkalan Weld untuk kompleks penjaja, bazaar dan tempat letak kereta. Kos pembinaan projek dianggarkan RM42 juta.

Sebagai Pihak Berkuasa, Majlis sangat peka dan mengambil berat terhadap keperluan bagi mengatasi masalah-masalah penjaja seperti

RM12.76 million. The works carried out are based on aspects of safety, aesthetic, beauty and harmony. The Stadium is equipped with modern facilities such as high voltage spotlights and latest technology scoreboard.

The express bus terminal project in front of the Pesta Pulau Pinang site was fully completed in June 2004. The project costing RM5.8 million is a two storey building with facilities such as stalls, cafeteria, ticket counters, surau, police station and lift. 34 lots for express buses are located at the ground floor. Traffic congestion in George Town will be eased when the express bus terminal is fully operational.

The "Little India" project is in progress during the years. The project is financed by the Ministry of the Culture Arts and Tourism under the 8th Malaysian Plan (2001/2005). The project is aimed at the developing the "Little India" area as a commercial and cultural centre as well as the main tourist destination in Penang. Upgrading of Lebu Acheh and Lebu Armenium costing RM6 million was completed at a cost of RM6 million in June 2004.

Allocation are also made for public facility projects i.e land acquisition in Bayan Lepas/Titi Kerawang for the implementation of the RM 11 million Community Park, proposed pedestrian mall project costing RM 2 million, construction of a new bridge in Sungai Pinang, phase 2 of the renovation of the City Stadium and construction of a mini stadium at the Balik Pulau Sport Complex. The Council is in the process of identifying a suitable site for constructing a hawkers' complex and a car park in Padang Tembak. It is hoped that the project when completed will overcome traffic congestion, provide parking space, proper arrangement of hawkers, recreation space and facilities for the community. Initially allocation from contribution in lieu of parking will be utilized.

Council also provided RM 500,000 in 2004 for the study and consultancy on the 5 storey complex in Lebu Victoria/Pengkalan Weld for a hawkers complex, bazaar and a car park. The project is estimated to cost RM 42 million.

As a local authority, the Council is very concerned about the need to overcome hawkers problems such as providing and repairing business premises

menyediakan dan memperbaiki premis perniagaan dan menaiktaraf kemudahan perniagaan. Pada tahun 2004, Majlis telah menyiapkan Tapak Penjaja Lorong Delima 20 dengan kos sebanyak RM 67,200.00, kerja-kerja tambahan bumbung gerai makanan Taman Sri Nibong telah juga disiapkan dengan kos sebanyak RM 297,900.00. Pada bulan September 2004, dua lagi projek yang telah disiapkan iaitu kerja-kerja tambahan dan penyediaan sistem bekalan air dan sanitari untuk 24 unit gerai dan meja bertingkat untuk 14 unit gerai di Lintang Macallum kerja-kerja pendawaian semula bagi tapak penjaja sediaada dijalankan Lim Koon Huat telah dilaksanakan selain itu sebuah tandas awam di kompleks makan Taman Desa Genting turut disiapkan. Ini adalah bagi memudahkan penjaja untuk ditempatkan di tapak yang lebih sesuai dan selesa.

Projek Lanskap yang utama dijalankan pada tahun 2004 ialah Projek Gold Bazaar di Jalan Masjid Kapitan Keling. Projek ini dibayar oleh Kerajaan Persekutuan dengan kos berjumlah RM11 juta.

Satu Kajian Pelan Induk Lanskap Pulau Pinang sedang disediakan dengan kerjasama Jabatan Lanskap Negara, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Juru Perunding Tetuan Malik Lip & Associate. Sejumlah RM 294,056.40 telah diperuntukan oleh Jabatan Lanskap Negara untuk menyediakan Pelan Induk ini. Pelan Induk ini hampir siap akhir tahun. Apabila siap Pelan Induk Lanskap, ianya akan digunapakai oleh Majlis dalam merancang dan melaksanakan semua program dan projek pengindahan, terutamanya bagi mencapai hasrat kerajaan untuk mengwujudkan "Negara dalam Taman" menjelang tahun 2005.

Program Kitar Semula. Aktiviti yang dilaksanakan ialah pembekalan tong kitar semula, pendidikan awam untuk kesedaran masyarakat dan membeli bahan-bahan kempen dan juga kejayaan program ini telah mendapat pengiktirafan dari pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Promosi kitar semula akan diteruskan oleh Majlis dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar dan agensi swasta lain.

Majlis turut melaksanakan projek-projek di bawah program "Local Agenda 21" seperti projek menangani isu sampah dalam saluran sungai di Sungai Kelian, Tanjung Bungah. Projek ini telah dilancarkan pada 19 Jun 2004 dengan mendapat kerjasama dan nasihat oleh Jabatan pengaliran dan saliran. "Public Private Partnership In Community Waste Recycling". Projek di bawah projek "Public Private Partnership In Urban Environment (PPPUE) telah disempurnakan bagi tempoh 18 bulan yang bermula pada Ogos 2002 dan tamat pada Januari 2004. Kawasan-kawasan yang terlibat adalah Kampung Seronok di Bayan Lepas, jeti-jeti di

and upgrading trading facilities. Council completed the construction of the hawkers site in Lorong Delima 20 at a cost of RM67,200.00, extension of the roof of Taman Sri Nibong food complex at a cost of RM297,900 in 2004. In September 2004 two more projects were completed i.e. addition and provision of water supply and sanitary works for 24 units of stalls' tables for 14 units of stalls in Lintang Macallum. Rewiring for the existing hawkers' site at Jalan Lim Koon Huat was carried out and a public toilet at Taman Desa Genting Food Complex will be completed. The project when completed will enable the hawkers to trade in a more suitable and comfortable site.

A major andscape project carried out in 2004 is the Gold Bazaar project in Jalan Masjid Kapitan Keling. The RM11 million project is financed by the Federal Government.

The Penang Landscape Master Plan Study is being carried out with the cooperation of the National Landscape Department, the Municipal Council of Penang Island and consultant i.e. Messrs. Malik, Lip & Associates. A total of RM294,056.40 was provided by the National Landscape Department for the preparation of this Master Plan. The Master Plan is almost ready. When completed the Landscape Master Plan will be used by the Council in planning and implementing all beautification programmes and projects particularly in achieving the Government's expression of creating 'a Country In A Park' by the year 2005.

Activities implemented under the recycling programme are providing recycling bins, public education for public awareness and purchase of recyclable item. The success of this program is recognised by the Ministry of Housing and Local Government. Promotion activities for recycling will be continued by the Council with the cooperation of the Department of Environment and other private agencies.

In addition Council implemented projects under the 'Local Agenda 21' program such as handling issues pertaining to refuse in rivers such as Sungai Kelian, Tanjung Bungah. The project was launched in 19 June 2004 with the cooperation and advice of the Drainage and Irrigation Department. Public Private Partnership in community waste Recycling a project under the public private partnership in Urban Environment (PPPUE) United Nation Development Programme (UNDP) was successfully held for 18 months commencing in August 2002 and ended in January 2004. The areas involved are Kampung Seronok in Bayan Lepas, jetties in

Pengkalan Weld serta rumahpangsa kos sederhana rendah Alor Vista di Relau.

Majlis amat prihatin dalam cara hidup yang sihat dan cergas dan ini menggalakkan orang ramai menggunakan semua kemudahan sukan dan rekreasi Majlis pada tahun 2004. Majlis telah menambah program-program sukan dan rekreasinya kepada 27 program. Majlis dengan kerjasama kelab-kelab sukan dan rekreasi serta pertubuhan bulan kerajaan sedang giat mempromosikan beberapa program sukan pelancongan atau "sports tourism".

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pembayar-pembayar cukai di Pulau Pinang (Pulau) atas kerjasama dan sifat kesefahaman, prihatin mereka ke arah menjadi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan.

Sekian, terima kasih.



Dato' Haji Ahmad Phesal b. Haji Talib, DSPN.,  
PJN., BCN., AMN  
Yang DiPertua,  
Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Pengkalan Weld and Medium Low Costs flats the Alor Vista in Relau.

Council is concerned about healthy lifestyle and intends to encourage the public to utilize all the sports and recreation facilities provided by the Council in 2004. Council increased the number of its sports and recreation programmes to 27. Council with the cooperation of sports and recreation clubs as well as NGO's is currently promoting several sports tourism programmes.

In conclusion I would like to thank all the ratepayers in Penang Island for their cooperation and understanding as well as concern in making Penang a tourist destination.

Thank you.



Yang Berbahagia  
Dato' Haji Ahmad Phesal b. Haji Talib, DSPN.,  
PJN., BCN., AMN  
President,  
Municipal Council of Penang Island.







**SEKRETARIAT**  
**SECRETARIAT**



## SEKRETARIAT

### FUNGSI

Fungsi-fungsi utama Sekretariat dalam tahun 2004 ialah seperti berikut :

#### Pentadbiran Am

- Menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kesetiausahaan untuk mesyuarat Majlis dan Jawatankuasa spesifik yang ditubuhkan oleh Majlis;
- Pengurusan personel;
- Pengindahan dan rekreasi;
- Pengurusan tender dan sebutharga;
- Sistem fail pusat;
- Perhubungan awam;
- Pengurusan kuarters kakitangan dan banglo percutian;
- Pengurusan Zon-zon Perindustrian Bebas, dan
- Hal-hal keselamatan.

Sekretariat juga bertanggungjawab bagi pengurusan kakitangan dan jumlah kakitangan Majlis sehingga 31 Disember 2004 ialah seramai 2744 orang sementara bagi Sekretariat pula ialah seramai 528 orang.

#### Keselamatan

Sekretariat memberi pengawalan keselamatan untuk harta Majlis dan di Empat Fasa Zon Perindustrian Bebas, Bayan Lepas di Pulau ini. 24 pekerja dipertanggungjawabkan dengan tugas ini. Sekretariat mengeluarkan permit bagi semua barang-barang lusuh dan produk pembuangan yang dikeluarkan dari zon tersebut, sebanyak 94 permit pembelian barang-barang lusuh telah dikeluarkan. Lanya juga menyelia dan mengawal pas pelawat ke 7 Jabatan Majlis yang terletak di Menara KOMTAR. Seramai 54,886 orang telah melawat Jabatan-jabatan Majlis di KOMTAR pada tahun 2004.



## SECRETARIAT

### FUNCTION

The main functions of the Secretariat in 2004 are as follows :

#### General Administration

- Provision of secretarial services for Council as well as meetings of specific committees set up by the Council;
- Personnel management;
- Beautification and recreation;
- Management of tenders and quotations;
- Centralized filing system;
- Public relations;
- Management of staff quarters and holiday bungalows;
- Management of Free Industrial Zones, and
- Security matters.

The Secretariat is also responsible for staff management and the total number of Council staff as at 31 December 2004 is 2,744, whilst that of the Secretariat is 528.

#### Security

The Secretariat provides security for Council properties and the Four Phases of the Free Industrial Zone in bayan Lepas on the Island. 24 personel are employed for this task. The Secretariat issues permits for scrap and waste products from the zones apart from the daily and yearly passes to vendors andvisitors passes to 7 Council Departments located in KOMTAR.Tower. A total of 94permits were issued for scrap and waste products. A total of 54,886 people visited the Council Departments in KOMTAR in 2004.



## PENGINDAHAN DAN REKREASI

Sekretariat juga mengurus dan menyelenggarakan sebanyak 187 buah kawasan lapang dan taman permainan kanak-kanak, 4 buah padang bolasepak dan sebuah stadium.\*

Program rekreasi yang telah diadakan sepanjang tahun 2004 antaranya adalah seperti berikut :

- Pertandingan kereta kawalan jauh terbuka 2004
- Pertandingan Ping-pong muhibbah jemputan 2004
- 'The amazing recreation hunt 2004'
- Pertandingan memancing terbuka MPPP 2004
- Majlis pelepasan peserta dan penutupan pertandingan senamrobik tiga jam 2004
- Majlis pelancaran 'Karnival Rekreasi 2004'
- Program rekreasi sambil bergotong-royong
- Majlis pelancaran 'Penang Indocafe e-Row Championship 2004'
- Majlis pelepasan peserta dan penutupan 'MPPP-PAC CENDANA HIKATON 2004'
- Pertandingan 'X'treme' tertutup Taman Perbandaran
- Kejohanan 'Penang Biathlon 2004'
- 'Malaysian Peace Run 2004'
- Siri ke-2 pertandingan mendaki bukit sempena sukan rakyat
- Pertandingan Mr. Gimnasium Taman Perbandaran
- Pertandingan perahu naga sempena pesta Pulau Pinang 2004
- Children's Play Camp
- Pertandingan Memanah MPPP Terbuka
- Mendaki Untuk Kecergasan ke Gua Mulu, Sarawak
- Pertandingan Golf MPPP Terbuka
- Kem Rekreasi
- Senamrobik Sempena Hari Kebangsaan
- Penang International Mountain Bike Challenge-Asian Cup
- Pertandingan Penyelamat Kelemasan Pulau Pinang
- Kayuh Lasak Penang Mountain Bike Jamboree
- Children's Adventure Camp
- Hari Tongkat Putih Antarabangsa
  - MPPP - Night Cycling Challenge
  - Sehari Bersama Taman Perbandaran
  - Perarakan Chingay Pasukan MPPP

## PROJEK-PROJEK UTAMA

Pada tahun 2004 projek menaik taraf jalan supaya mesra golongan kurang upaya sepanjang 1.5 km dari bulatan Lebu Leith - Lebu Beach sehingga lampu isyarat Lebu Chulia telah siap disempurnakan. Projek menaik taraf laluan pejalan kaki di sepanjang Jalan Penang masih

## BEAUTIFICATION AND RECREATION

The Secretariat also manages and maintains 187 open spaces and children's playground, 4 football fields and an outdoor stadium.\*

Recreation programmes carry out in 2004 as follows ;

- Remote control car open competition 2004
- Goodwill invitation table tennis competition 2004
- The amazing recreation hunt 2004
- MPPP open fishing competition 2004
- Flagging off and closing ceremony of the 3 (three) hours aerobics competition 2004
- Launching ceremony of Recreation Carnival 2004
- Recreation cum Gotong Royong Programme
- Launching ceremony of the Penang Indocafe e-Row Championship 2004
- Flagging and closing ceremony of the "MPPP-PAC CENDANA HIKATON 2004"
- Municipal Park Closed 'X'treme Competition
- "Penang Biathlon" Championship 2004
- Malaysian Peace Run 2004
- Second series of the Hill Climbing Competition in conjunction with the Peoples Games 2004
- Municipal Park Mr. Gymnasium Competition
- Handing over flag to Dragon Boat teams participating in the International Invitation Race.
- Children's Play Camp
- MPPP Open Archery Competition
- Hiking for Fitness - Gua Mulu, Sarawak
- MPPP Open Golf Competition
- Recreation Camp
- Aerobics in Conjunction with National Day
- Penang International Mountain Bike Challenge-Asian Cup
- Penang Life Saving Competition
- Penang Mountain Bike Jamboree
- Children's Adventure Camp
- International White Cane Day
  - MPPP-Night Cycling Challenge
  - A day at the Municipal Park
  - MPPP Chingay Team Procession

## MAIN PROJECTS

Council's Major projects works to upgrade the 1.5 km stretch of road from the Lebu Leith- Lebu Beach roundabout to the Lebu Chulia traffic lights was completed in 2004. The upgrading works was aimed at making its disabled friendly. The pedestrian walkway along Jalan Penang is

dalam peringkat pembinaan dan dijangka dapat disiapkan pada pertengahan tahun 2005. Kerja-kerja menaik taraf kawasan Lebuh Aceh dan Lebu Armenian menelan belanja sebanyak RM 6 juta telah disempurnakan. Selain itu, sebuah surau, bilik persalinan dan tandas awam di Pantai Loversisle telah disiapkan. Projek Gold Bazaar berjumlah RM 11 juta sedang dilaksanakan di Jalan Masjid Kapitan Keling. Projek ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

#### BAHAGIAN PENGUATKUASA

Pada tahun 2004, pengambilan untuk jawatan Pembantu Penguatkuasa bertaraf kontrak telah dilakukan. Seramai 70 orang telah berjaya ditawarkan ke jawatan Pembantu Penguatkuasa bertaraf kontrak. Dengan pengambilan ini, bahagian Penguatkuasa kini mempunyai bilangan pegawai yang besar iaitu 250 orang.

Bahagian Penguatkuasa dibahagikan kepada 4 unit iaitu :-

- i) Unit Pentadbiran dan kewangan
- ii) Unit Rondan Zon
- iii) Unit Operasi
- iv) Unit Anti Liter

Di dalam bidang penguatkuasaan, sejumlah 179,123 Pemberitahuan Tentang Kesalahan (PTK) telah dikeluarkan. Notis PTK dikeluarkan kepada orang awam kerana kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang kecil yang dikuatkuasakan oleh Bahagian Penguatkuasa iaitu:-

1. Seksyen 46 (i) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
2. Seksyen 47 (i) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
3. Perintah (Sistem Bertiket) Tempat Letak Kereta MPPP 1992
4. Perintah (Sistem Bermeter) Tempat Letak Kereta MPPP 1992
5. Undang-Undang Kecil (Kebersihan & Keselamatan Awam) MPPP 1980
6. Undang-Undang Kecil (Larang Merokok Dalam Kenderaan-Kenderaan Perkhidmatan Awam) MPPP 1980
7. Undang-Undang Kecil (Penjaja-Penjaja) MPPP 1979
8. Undang-Undang Kecil (Larang Merokok Dalam Panggungwayang-Panggungwayang) MPPP 1978
9. Undang-Undang Kecil (Taman) MPPP 1993
10. Undang-Undang Kecil (Lembu Kerbau) Bandaraya George Town 1968
11. Undang-undang Kecil (Lembu Kerbau) Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang 1972

still under construction and is expected to be completed in the middle of 2005. The project to upgrade Lebu Aceh and Lebu Armenian costing RM6 million was completed during the years. In addition construction of a surau, changing room and a public toilet at Loversisle beach was also completed. The Gold Bazaar Project costing RM11 million is being implemented in Jalan Masjid Kapitan Keling. The project is financed by the Federal Government.

#### ENFORCEMENT SECTION

An Enforcement Assistant was recruited on a contract basis in 2004. Seventy (70) were offered the post of Enforcement Assistant on contract basis. With the recruitment the Enforcement has a complement of 250 staff.

The Enforcement Section is divided into four (4) main units :-

- i) Administration and Finance unit
- ii) The Patrol unit
- iii) Operation unit
- iv) Anti Litter unit

A total of 179,123 Notice of Offence were issued. These notices were issued to the public for offences committed under By Laws enforced by the Enforcement Section:-

1. Section 46 (i) Street, Drainage and Building Act, 1974
2. Section 47 (i) Street, Drainage and Building Act, 1974
3. Municipal Council of Penang Island (Ticket System) Car Parks Order, 1992
4. Municipal Council of Penang Island (Meter System) Car Parks Order, 1992
5. Municipal Council of Penang Island (Public Cleansing & Safety) By Laws, 1980
6. Municipal Council of Penang Island (Banning of Smoking in Public Service Vehicles) By Laws, 1978
7. Municipal Council of Penang Island (Hawkers) By Laws, 1979
8. Municipal Council of Penang Island (Banning Smoking in Theatres) By laws, 1978
9. Municipal Council of Penang Island (Park & Garden) By laws, 1993
10. City of Georgetown, Penang (Cattle) By Laws, 1968
11. Rural District Council, Penang Island (Cattle) By Laws, 1972



# **JABATAN KEWANGAN** **FINANCE DEPARTMENT**

MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG  
TEMPAT LETAK MOTOSIKAL

**LEBUH DICKENS**

9.00 PAGI HINGGA 9.00 MALAM  
SETIAP HARI  
( ISNIN - AHAD )

CAJ

20 SEN BAGI SATU JAM PERTAMA  
DAN TAMBAHAN

30 SEN APABILA SATU JAM PERTAMA TAMAT



## JABATAN KEWANGAN

### PENGENALAN

Jabatan Kewangan diberikan peranan untuk mentadbir keseluruhan hal-hal kewangan Majlis dan secara amnya mempunyai objektif seperti berikut:-

- i) Mentadbir, menggubal dasar strategi kewangan
- ii) Mengawasi segala hasil dan perbelanjaan;
- iii) Membentuk cara-cara, kaedah dan sistem Pentadbiran kewangan untuk meningkatkan Produktiviti dan prestasi

Jabatan Kewangan mempunyai 143 kakitangan dan terbahagi kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:

## FINANCE DEPARTMENT

### INTRODUCTION

The Finance Department is given the role to administer the overall financial affairs of the Council and in general have the following objectives :

- i) Administer, draft policies and financial strategies;
- ii) Overseeing all revenue and expenditure, and
- iii) Formulate procedures, methods and also the financial administrative system to improve productivity and performance.

The Finance Department has 143 staff members and is divided into three (3) sections as follows :

Bahagian Pentadbiran <i>Administration Section</i>	Bahagian Kutipan Hasil <i>Revenue Collection Section</i>	Bahagian Komputer <i>Computer Section</i>
Perbelanjaan <i>Expenditure</i>	Cukai Taksiran (Kutipan) <i>Rates</i>	Sistem Gaji dan Personel <i>Salary System and Personnel</i>
Lejer dan Kawalan Vot <i>Ledger and Vote Control</i>	Kutipan Kaunter <i>Counter Collection</i>	Cukai Taksiran <i>Assessment Rates</i>
Akaun Tahunan <i>Annual Accounts</i>	Sewa Kuarters/Premis <i>Rentals of Quarters/Premises</i>	Akaun <i>Accounts</i>
Belanjawan <i>Budget</i>	Sewa Rumah Pangsa <i>Rentals of Flats</i>	Sewa Premis dan Pelbagai <i>Rental of Premises and Miscellaneous</i>
Gaji <i>Salaries</i>	Bil-bil Pelbagai <i>Miscellaneous Bills</i>	Sewa Gerai di Kompleks dan Pasar <i>Rental of Stalls at Complexes and Markets</i>
Kawalan Letak Kereta (Pentadbiran) <i>Car Parking Control (Administration)</i>	Kawalan Letak Kereta (Bayaran) <i>Car Parking Control (Payments)</i>	
	Kompaun <i>Compounds</i>	





#### HASIL

Jumlah hasil 2004 bagi Kumpulan Wang Cukai Am ialah RM151,834 juta. Punca utama pendapatan Majlis ialah dari Cukai Taksiran sebanyak RM 103,357 juta.

#### PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan 2004 bagi Kumpulan Wang Cukai Am ialah RM215.335 juta dan kurangan bagi tahun ialah RM63.501 juta. Aktiviti yang menelan belanja terbesar ialah pembersihan di bawah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran sebanyak RM57.931 juta.

#### AM

Pentadbiran kewangan adalah penting bagi sesebuah organisasi dan Jabatan Kewangan akan terus berusaha mempertingkatkan tahap kecekapan serta mutu perkhidmatannya seperti mana yang telah dicatatkan dalam Piagam Pelanggan Jabatan.

#### REVENUE

The total amount of revenue for 2004 in respect of the General Rate Fund is RM151, 834 million. The main source of Council income is from Assessment Rates which is RM 103,357 million.

#### EXPENDITURE

The total expenditure for 2004 in respect of General Rates is RM 215.335 million deficits is RM63.501 million. The activity which involves the highest expenditure is cleansing under the Urban Services Department which amounts to RM57.931 million.

#### GENERAL

Financial administration is vital to a particular organisation and the Finance Department will continue to strive to improve its level of efficiency and service quality as stated in the Department's Clients Charter.



KUMPULAN WANG CUKAI AM  
GENERAL RATE FUND


Ringkasan Kira-kira Hasil bagi Tahun berakhir 31 Disember 2004  
Summary of Revenue Accounts for the year ended 31st December 2004

Butir-butiran / <i>Particulars</i>	Pendapatan (RM) / <i>Income (RM)</i>
<b>PENDAPATAN <i>INCOME</i></b>	
Sekretariat <i>Secretariat</i>	2,210,652
Unit Perkhidmatan Hartanah <i>Property Management Unit</i>	3,370,778
Jabatan Kewangan <i>Finance Department</i>	9,854,246
Jabatan Kejuruteraan <i>Engineering Department</i>	21,470,350
Jabatan Kesihatan Awam <i>Health Department</i>	777,270
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran <i>Urban Services Department</i>	624,875
Jabatan Pelesenan <i>Licensing Department</i>	5,652,423
Jabatan Bangunan <i>Building Department</i>	2,021,410
Jabatan Penilaian <i>Valuation Department</i>	44,864
Cukai-cukai Taksiran <i>Assessment Rates</i>	103,357,018
Jabatan Undang-undang <i>Legal Department</i>	45,605
Jabatan Perancangan Bandar <i>Town Planning Department</i>	2,404,775
<b>Jumlah / <i>Total</i></b>	<b>151,834,266</b>

**KUMPULAN WANG CUKAI AM**  
**GENERAL RATE FUND**

Ringkasan Kira-kira Hasil bagi Tahun berakhir 31 Disember 2004  
*Summary of Revenue Accounts for the year ended 31st December 2004*

<b>Butir-butiran / Particulars</b>	<b>Perbelanjaan (RM) / Expenditure (RM)</b>
<b>PERBELANJAAN EXPENDITURE</b>	
Sekretariat <i>Secretariat</i>	52,270,202
Unit Perkhidmatan Hartanah <i>Property Management Unit</i>	10,556,453
Unit Audit Pengurusan <i>Management Audit</i>	470,539
Jabatan Kewangan <i>Finance Department</i>	5,794,539
Jabatan Kejuruteraan <i>Engineering Department</i>	31,892,367
Jabatan Kesihatan Awam <i>Health Department</i>	9,403,160
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran <i>Urban Services Department</i>	57,930,915
Jabatan Pelesenan <i>Licensing Department</i>	8,438,031
Jabatan Bangunan <i>Building Department</i>	2,749,443
Jabatan Penilaian <i>Valuation Department</i>	1,725,962
Jabatan Undang-undang <i>Legal Department</i>	1,030,105
Jabatan Perancangan Bandar <i>Town Planning Department</i>	1,840,144
Sumbangan Hasil Kepada Modal <i>Revenue Contribution To Capital</i>	31,233,182
Lebihan/(Kurangan) Bersih bagi tahun <i>Net Surplus/(Deficit) for the year</i>	(63,500,776)
<b>Jumlah / Total</b>	<b>151,834,266</b>





**JABATAN PERKHIDMATAN  
PERBANDARAN  
URBAN SERVICES  
DEPARTMENT**



## JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah ditubuhkan pada 16 Januari 1992 berikutan keputusan Majlis untuk menyusun semula organisasinya bagi mewujudkan pengkhususan fungsi berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA). Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Pembersihan.

### FUNGSI-FUNGSI JABATAN

- Pengurusan sisa pepejal
- Menyapu jalan dan membersihkan parit
- Membersih pasar, kompleks makanan penjaja dan tapak penjaja
- Membersih tandas awam
- Membersih pantai, sungai dan laut (sisa pepejal sahaja).

Jabatan ini mempunyai bilangan kakitangan yang paling ramai di dalam organisasi Majlis dan mendapat peruntukan yang paling banyak (30%) untuk menjalankan fungsinya iaitu memberi perkhidmatan kepada setengah juta penduduk. Pungutan sampah dianggar meliputi 95% daripada penduduk. Pelupusan sampah di tapak menambun sampah adalah purata 600 tan setiap hari. Sampah sarap rumah, perdagangan dan institusi dipungut oleh kontraktor adalah 74% dan oleh Majlis adalah sebanyak 26%.

Pada 1 Ogos 2001 Tapak Pelupusan Sampah di Jelutong telah ditutup dengan rasminya dan semua sampah-sarap telah dibawa ke Tapak Perpindahan di Batu Maung untuk dibawa ke Pulau Burung melalui tongkang. Semua sampah-sarap akan ditimbang di Tapak Perpindahan di Batu Maung yang dikendalikan oleh Syarikat Eurasia sebelum dibawa ke Pulau Burung untuk pelupusan yang dikendalikan oleh Syarikat Idaman Bersih.



## URBAN SERVICES DEPARTMENT

The Urban Services Department was established on 16 January 1992 following the Council's decision to restructure its organization in order to create specialization of functions based on the study by Japan International Cooperation Agency (JICA). The Urban Services Department is divided into 2 sections, i.e. Administration Sections and Cleansing Section.

### THE FUNCTIONS OF THE DEPARTMENT

- Management of solid waste.
- Sweeping of streets and cleansing of drains.
- Cleaning of markets, hawker food complexes and hawker sites.
- Clening of public conveniences.
- Cleaning of breaches, river and sea (Solid waste only).

The Department has the most number of employees in the Council's organization and has the highest allocation (30%) for carrying out its functions of serving half a million residents. Waste collection is estimated to cover 95% of the population. Fefuse disposal at the dumpipng ground averages 600 tonnes daily. Domestic, commercial and institutional waste collected by contractors is 74% and Council 26%.

The Jelutong Dumping Ground was officially closed on 1 August 2001 and all the refuse were taken to the Transfer Station in Batu Maung to be transferred to Pulau Burong by barges. All the refuse will be weighed at the Transfer Station in Batu Maung which is operated by Syarikat Eurasia before being taken to Pulau Burong for disposal by Syarikat Idaman Bersih.



Kerja-kerja menyapu sampah jalan dan membersihkan parit dijalankan dengan kerap iaitu samada setiap hari, selang sehari, dua kali seminggu atau setiap minggu. Parit-parit monsun dibersihkan oleh kontraktor Majlis. Pasar dan kompleks dibersihkan setiap hari.

Pantai di sepanjang pantai timur laut Pulau ini dari Padang Kota Lama ke Pantai Teluk Duyung (Muka Head) dan dari pesisiran Kawasan Perumahan Laut, Pengkalan Weld hingga ke Pantai Lebuhraya Bayan Lepas telah dibersihkan dengan kerap. Laut dari Pulau Jerejak ke Telok Bahang telah dibersihkan daripada sampah terapung selang sehari.

Tandas awam di pasar, kompleks makanan dan tempat-tempat lain dikendalikan oleh kakitangan Jabatan ini.

Road sweeping and drain cleansing are carried out on a regular basis either daily, on alternate days, twice a week or weekly. Monsoon drains were cleaned and desilted by Council contractors. Markets and complexes are cleaned daily.

Beaches along north-east coast of the Island from Padang Kota Lama to Pantai Teluk Duyung (Muka Head) and from Pesisiran Kawasan Perumahan Laut, Pengkalan Weld to Pantai Lebuhraya Bayan Lepas, are regularly cleaned. The sea from Pulau Jerejak to Telok Bahang is cleared of floating debris on alternate days.


Public conveniences at markets, food complexes and other locations are manned by the department staff.







# **JABATAN BANGUNAN** **BUILDING DEPARTMENT**





## JABATAN BANGUNAN

### FUNGSI

- Kawalan Bangunan
- Proses Pelan-Pelan Bangunan
- Memproses Permohonan Kebenaran Memulakan Kerja
- Memproses Permohonan Sijil Penghunan
- Menyelaras dan Melaksanakan Projek-projek Kemajuan

Seperti tahun-tahun sebelum ini, Jabatan Bangunan berusaha dengan gigih bagi menangani perkembangan yang dibawa oleh industri pembinaan akibat pertumbuhan dan peningkatan yang positif di dalam senario ekonomi negara, khususnya di Pulau Pinang. Bilangan pelan-pelan bangunan yang dikemukakan kian meningkat dan tekanan luaran dan dalaman diterima untuk mempercepatkan pemerosesan pelan-pelan bangunan dan dalam masa yang sama pengharapan orang awam terhadap mutu dan perkhidmatan terus kian meningkat.

### PELAKSANAAN SISTEM KELULUSAN SERTA MERTA (ON THE SPOT APPROVAL)

Sistem pengemukaan pelan-pelan mudah untuk kelulusan serta merta telah diperkenalkan oleh Majlis pada tahun 1996. Melalui sistem ini, pelan-pelan bangunan untuk binaan kediaman yang tidak melebihi lima (5) tingkat dan tidak melebihi empat (4) unit yang sama seperti Permohonan Merancang yang telah diluluskan boleh dikemukakan oleh pihak perunding untuk pertimbangan. Setiap perunding dibenarkan untuk mengemukakan dua (2) permohonan pada sesuatu masa. Perlaksanaan sistem ini diadakan setiap dua (2) kali sebulan. Sepanjang tahun 2004, sistem ini telah berjalan dengan lancarnya. Memandangkan berlaku peningkatan dan permintaan yang tinggi di dalam sektor pembinaan, bilangan permohonan pengemukaan pelan-pelan mudah juga dijangka akan meningkat pada tahun hadapan.



## BUILDING DEPARTMENT

### FUNCTION

- Building Control
- Processing of building plans
- Processing of application for permission to commence work
- Processing of application for occupation certificates
- Co-ordination and implementation of development projects

As in the previous years the Building Department was compelled to work even harder to handle development brought about by the construction industry following the good economic growth throughout the country, particularly in Penang. The number of plans continued to increase and external and internal factors to expedite the processing of building plans and at the same time public expectation with regard to quality and service continued to increase.

### IMPLEMENTATION OF THE ON THE SPOT APPROVAL SYSTEM

The system for submission of straight forward plans for on the spot approval was introduced by the Council in 1996. Under the system building plans for residential buildings not exceeding five (5) storeys and not exceeding four (4) units as in the Planning Application approved maybe submitted by the consultant for consideration. Each consultant is allowed to submit two (2) applications at any time. The system is implemented twice a month. The system was implemented smoothly in 2004. The number of plans submitted is expected to increase next year due to increasing demand in the construction industry.



## **KEBENARAN UNTUK MEMULAKAN KERJA SERTA MERTA**

Permohonan untuk memulakan kerja-kerja pembinaan yang dibuat oleh perunding telah diproses dengan serta/merta. Sepanjang tahun 2004, semua permohonan yang diterima untuk memulakan kerja diberi kebenaran serta/merta.

## **PEMEROSESAN PERMOHONAN UNTUK SIJIL PENGHUNIAN**

Prosedur untuk pemerosesan permohonan untuk Sijil Penghunian diperkukuhkan lagi supaya Sijil Penghunian dikeluarkan dalam tempoh dua minggu. Merinyu-merinyu bangunan diberi satu tempoh tertentu untuk melakukan pemeriksaan tapak dan memastikan semua syarat yang dikenakan dipatuhi. Jika permohonan adalah sempurna, Sijil Penghunian dikeluarkan dalam tempoh dua minggu. Prosedur ini telah diperkenalkan sejak 1993 dan sasaran Jabatan ini ialah untuk mencapai keberkesanan 100%. Pada tahun 2004 Jabatan Bangunan berjaya menepati sasaran 100% di dalam pencapaian pengeluaran Sijil Penghunian telah dikeluarkan dalam tempoh dua minggu di mana sebanyak 99 Sijil Penghunian telah dikeluarkan dalam tempoh tersebut atau pengurangan sebanyak 1% berbanding tahun sebelumnya.

## **PELAN-PELAN BANGUNAN YANG DILULUSKAN**

Sebanyak 544 pelan bangunan telah diluluskan sepanjang tahun 2004. Daripada jumlah tersebut sebanyak 354 pelan bangunan diluluskan secara serta merta (on the spot approval).

## **PENDEDAHAN KAKITANGAN JABATAN KEPADA KURSUS DAN LATIHAN**

Seiring dengan perkembangan dan kemajuan di dalam sistem teknologi dan pentadbiran negara, Jabatan sentiasa peka akan keperluan jabatan di dalam aspek melatih kakitangannya supaya mereka dapat menjalankan tugas-tugas mereka secara profesional dan cekap dan dengan demikian dapat

meningkatkan produktiviti. Ke arah tersebut kakitangan tertentu Jabatan bangunan telah didedahkan kepada kursus-kursus bercorak teknikal dan pentadbiran sepanjang tahun 2004 dengan tujuan meningkatkan kemahiran dan kebolehan mereka dalam bidang tugas masing-masing. Jabatan sentiasa memberi tumpuan yang serius dalam latihan kakitangan.

## **PERMISSION TO COMMENCE WORK IMMEDIATELY**

Applications to commence construction works made by consultants were processed immediately. During 2004 all applications received for commencement of works were approved immediately.

## **PROCESSING OF APPLICATIONS FOR OCCUPATION CERTIFICATES**

The procedure for the processing of applications for Occupation Certificates was streamlined further to enable Occupation Certificates to be issued within two weeks. The Building Inspectors have been given a specific period to make site inspections and to ascertain whether all the conditions have been complied with. If the applications are in order, Occupation Certificates are issued within two weeks. The procedure was introduced in 1993 and the target of the Department was to achieve 100% effectiveness. In 2004 the achievement of issuing Occupation Certificate within 2 weeks was 100 % which was considered a success where 99 occupation certificate were issued within that period or decrease of 1% compared with the previous years.

## **APPROVED BUILDING PLANS**

544 building plans were approved in 2004 and out of that 354 building plans were approved on the spot.

## **EXPOSURE OF DEPARTMENT STAFF TO COURSES**

The department recognise the need to train its staff so that they will be able to carry out this duties professionally and efficiently as well as increase productivity in line with the progress in technology in the nation's administration. Certain staff of the department was sent for technical and

administrative courses in 2004 to improve skill and ability in their respective duties. The department is constantly giving serious attention to staff training.

## PROJEK-PROJEK YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH JABATAN BANGUNAN

Pada tahun 2004 sebanyak 10 buah lagi projek berjaya disiapkan sepenuhnya. Kerja-kerja pendawaian semula bagi Tapak Penjaja sedia ada di Jalan Lim Khoon Huat yang bernilai RM11,400.00 telah dilakukan. Sebuah Tandas Awam di Kompleks Makan Taman Desa Genting, Balik Pulau yang mencecah RM42,000.00 telah disiapkan pada bulan Mei 2004.

Sebanyak tiga (3) buah projek berjaya disiapkan di dalam bulan Jun 2004 iaitu seperti kerja-kerja menaiktaraf kawasan Lebuh Aceh dan Lebuh Armenian yang menelan belanja sejumlah RM6 juta, sebuah surau, bilik persalinan dan tandas awam di Pantai Lovers Isle, Batu Ferringhi (RM178,000.00) dan pembinaan Tapak Penjaja Lorong Delima 20, Georgetown (RM167,200.00) telah berjaya disiapkan.

Pada bulan Ogos 2004, dua (2) lagi projek disiapkan iaitu kerja-kerja pindaan dan tambahan ke atas Kaunter Jabatan Bangunan, MPPP di Tingkat 14, KOMTAR yang bernilai RM120,500.00 telah dilakukan. Kerja-kerja tambahan bumbung di Gerai Makan Taman Sri Nibong yang bernilai RM297,900.00 telah juga dapat disiapkan.

Pada bulan September 2004, dua (2) lagi projek disiapkan iaitu kerja-kerja tambahan dan penyediaan sistem bekalan air dan sanitari untuk 24 unit gerai, dan meja bertingkat untuk 14 unit gerai di Lintang Macallum yang mencecah hampir RM4.5 juta telah disiapkan pada awal September 2004 manakala kerja-kerja pemasangan paip dan peralatan kebersihan

Untuk Podium komersial tiga tingkat di Taman Sri Pinang yang bernilai RM1,860,000.00 telah berjaya disiapkan pada pertengahan bulan September 2004.

Projek menaiktaraf laluan pejalan kaki di sepanjang Jalan Penang (Upper Penang Road) masih dalam peringkat pembinaan dan dijangka akan dapat disiapkan pada pertengahan tahun 2005.



## PROJECTS IMPLEMENTED BY THE BUILDING'S DEPARTMENT

10 more projects were completed in 2004. Rewiring works for the existing Hawkers' Site in Jalan Lim Khoon Huat costing RM11,400.00 was carried out during the year. A public toilet at the Taman Desa Genting Food Complex, Balik Pulau costing RM42,000.00 was completed in May 2004.

Three (3) projects were completed :- June 2004 i.e. upgrading of the Lebuh Aceh and Lebuh Armenian area costing RM6 million, surau, changing room and a public toilet in Lovers Isle Beach, Batu Ferringhi (RM178,000.00) and construction of the Hawker's Site in Lorong Delima 20, George Town (RM 167,200.00).


Two (2) projects were completed in August '2004 i.e. alteration and addition to the Building Department's Counter at Level 14, KOMTAR costing RM120,500.00. Extension to the roof of the Taman Sri Nibong Food Stall costing RM297,900.00 was also completed during the year.

Two (2) more projects were completed in September 2004 i.e. addition and provision of water supply and sanitary system for 24 stalls and tables for 145 stalls in Lintang Macallum costing almost RM4.5 million. Pipe laying and installation work for sanitary fittings for the three (3) storey Podium Commercial building in Taman Sri Pinang costing RM1,860,000.00 was completed in mid September 2004.

Project to upgrade the pedestrian mall along Penang Road (Upper Penang Road) is still in the construction stage and is expected to complete in mid 2005.



# **JABATAN PERANCANG BANDAR DAN PEMBANGUNAN** **DEPARTMENT OF TOWN PLANNING AND DEVELOPMENT**



## JABATAN PERANCANG BANDAR DAN PEMBANGUNAN


### OBJEKTIF JABATAN

Objektif utama Jabatan Perancangan Bandar dan Pembangunan adalah untuk menentukan pemajuan di Pulau Pinang dijalankan secara teratur dan dirancang supaya ia membawa faedah-faedah sosial ekonomi dan fizikal yang optimum kepada orang ramai di samping mewujudkan suatu suasana yang bersesuaian untuk kehidupan, bekerja dan bermain seperti dinyatakan di dalam Draf Rancangan Struktur (Penggubahan) bagi Pulau Pinang 2001.

## DEPARTMENT OF TOWN PLANNING AND DEVELOPMENT

### THE DEPARTMENT'S OBJECTIVE

The main objective of the Department of Town Planning and Development is to ascertain development in Penang Island is carried out in an orderly manner and is planned in the way that will bring optimum social, economic and physical benefits to the people and, at the same time, create an environment conducive for living, working and playing as envisaged in the Structure Plan (Amendment) for Penang Island 2001.



Pada 1 Februari 2004, Unit Landskap MPPP telah dipindahkan ke Jabatan Perancangan Pembangunan untuk merealisasikan hasrat kerajaan bagi mewujudkan kawasan pentadbiran MPPP sebuah bandar dalam taman.

Tugas-tugas Jabatan Perancangan Pembangunan pada amnya termasuk:-

- i) Menjalankan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995-2001 dan lain-lain akta yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa;
- ii) Menyediakan rancangan tempatan, rancangan khas dan lain-lain pelan serta menggubalkan garis panduan dan polisi-polisi untuk tujuan kawalan pemajuan dan kegunaan tanah, perancangan pembangunan dan pemeliharaan Bandar;

The council Landscape Unit was transferred to the Development Planning Department on 1st February 2004 to relise the governments' intention of making the council's area of jurisdiction a in a park.

The duties of the Department of Town Planning and Development generally includes:-

- i) To carry out the provisions of the Town and Country Planning Act 1976, the town and Country Planning Act (amendment) 1995 and other acts related to town and country planning;
- ii) To prepare structure plan, local plans and other plans as well as formulate guidelines and policies for the purpose of development control and land use, development planning and urban conservation;

- iii) Memproses permohonan-permohonan untuk kebenaran merancang, pecah sempadan tanah, pertukaran kegunaan tanah dan bangunan dan sebagainya;
- iv) Membantu di dalam pemerosesan permohonan-permohonan untuk pelan-pelan bangunan, pelesenan, ubah syarat tanah dan lain-lain permohonan berkaitan hal tanah;
- v) Menyampaikan maklumat dan menasihati orang ramai dan lain-lain agensi berhubung dengan hal-hal perancangan pemajuan dan kawalan pemajuan;
- vi) Menjalankan pengumpulan dan penganalisaan data, kajian-kajian dan penyelidikan berkaitan dengan perancangan, kawalan pemajuan dan pemuliharaan;
- vii) Merancang dan memantau projek-projek pembangunan Majlis;

#### Fungsi-Fungsi Unit Landskap Di Jabatan Perancangan Pembangunan

- i) Memproses permohonan Pelan Landskap yang dikemukakan oleh pemaju untuk kelulusan
- ii) Memproses permohonan bagi mendapatkan Sijil Siap Kerja.
- iii) Memproses dan mengulas permohonan Penebangan pokok-pokok bagi tujuan pembangunan.
- iv) Memantau kerja-kerja penyelenggaraan pemotongan rumput di tanah-tanah lapang dan bahu-bahu jalan seluruh Pulau Pinang kecuali jalan-jalan persekutuan.
- v) Menyediakan dan melaksanakan Pelan Landskap MPPP.
- vi) Merancang, melaksanakan dan menyelenggarakan projek-projek landskap serta menyediakan peralatan untuk rekreasi di kawasan-kawasan lapang MPPP.
- vii) Memberi bantuan anak-anak benih pokok kepada sekolah-sekolah, badan-badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang layak.

- iii) To process applications for planning permission, subdivision of land, change in use of land and buiding, etc;
- iv) To assist in the processing of applications of building plans, licenses, conversion of land and other land applications;
- v) To disseminate information and advise the public and other agencies on matters pertaining to development planning and development control;
- vi) To carry out data collection and analysis, studies and research related to planning, development control and conservation;
- vii) To plan and monitor Council's development projects;

#### Functions Of Landscape Unit, Development Planning Department

- i) Processing Landscape Plan Application from developers.
- ii) Processing Application for Completion Certificate.
- iii) Process and comment on applications to fell trees for development.
- iv) Overseeing grass cutting works in open space and side tables throughout the island except federal roads.
- v) Prepare and implement the Council's Landscape Plan.
- vi) Plan, implement and maintain landscape as well as provide recreation equipments for the Council's Open Space.
- vii) Supply seedlings to schools, government agencies and NGO's.

Projek landskap yang utama dijalankan pada tahun 2004 ialah Projek Gold Bazaar di Jalan Masjid Kapitan Keling yang berjumlah RM 11 juta. Projek ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Selain daripada itu, terdapat projek-projek pengindahan di seluruh Kawasan Pentadbiran MPPP seperti bulatan, kawasan lapang dan penanaman pokok-pokok di tepi jalan.

#### KERJA YANG DIJALANKAN PADA TAHUN 2004

##### Kawalan Pemajuan

Jabatan terus memproses permohonan kebenaran merancang dengan mengenakan prosedur 'Pusat Sehenti' dan 'Honour System' seperti yang telah diamalkan. Segala permohonan Kebenaran Merancang diproses mengikut prosedur, perundangan dan garis panduan yang ditetapkan.

Jabatan telah menganjurkan beberapa siri bengkel dan latihan kepada kakitangan Majlis daripada Jabatan Perancang, Bangunan, Kejuruteraan, Pelesenan dan Undang-Undang untuk memahami lebih mendalam mengenai sistem e-lams. Latihan ini penting supaya jabatan yang terlibat dalam kawalan pembangunan dapat memahami dengan lebih mendalam apabila sistem e-lams dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2005.

Bilangan permohonan kebenaran merancang yang diterima oleh Jabatan ini pada tahun 2004 ialah 247 permohonan. 156 permohonan telah diluluskan dan 9 ditolak pada tahun tersebut. Iaitu peningkatan 10% daripada tahun sebelumnya jumlah daripada pelan permohonan kebenaran merancang yang diterima.

Pada tahun 2004, jumlah permohonan perlanjutan kebenaran merancang yang dikemukakan kepada Majlis adalah 204 permohonan berbanding dengan 295 permohonan tahun sebelumnya.

Walaupun ada kenaikan daripada permohonan merancang yang dikemukakan tetapi penurunan berlaku dalam permohonan perlanjutan kebenaran merancang. Ini bermakna bebanan kerja masih tetap sama dari tahun sebelumnya.

Pada tahun 2004, sebanyak 73 permohonan untuk pelan cantuman dan pecah sempadan telah dikemukakan. Sebanyak 53 permohonan atau persamaan dengan 75% telah diluluskan.

The major landscape project carried out in 2004 is the Gold Bazaar project in Jalan Masjid Kapitan Keling costing RM11 million. The project is financed by the Federal Government. In addition, beautification projects were carried out throughout the council's area of jurisdiction such as roundabouts, open space and trees were planted along the roads.

#### WORKS CARRIED OUT IN 2004

##### Development Control

The Department continued to process application for planning permission by implementing 'One Stop Centre' and 'Honour System' procedure. All applications for Planning Permission are processed according to stipulated procedures, legislation and guidelines.

The Department organized several workshops and training programmes for the Council's staff from the Planning, Building Engineering, Licensing and Legal Departments to enable them to understand the e-lams system. The training is important so that the departments involved with development control will understand better when the e-lams system is fully implemented in 2005.

A total of 247 applications for planning permission were received by the departments in 2004. 156 application were approved and 9 were rejected during the year an increase of 10% from the previous year.

A total of 204 applications for extension of planning permission were submitted to the Council in 2004 compared with 295 applications submitted in 2004.

Although there was an increase in the number of planning permission submitted but there was also a decrease in the number of application for extension of planning permission. As such the workload remained the same as that in the previous year

73 applications for land amalgamation and subdivision were submitted in 2004. A total of 53 applications or 75% were approved.

Jadual 1 : Statistik Permohonan Kebenaran Merancang tahun 2002 Hingga 2004.  
*Table 1 : The Statistic of Planning Permission Applications 2002 to 2004.*

Tahun / Year	Dikemukakan / Submitted	Dilulus / Approved	Ditolak / Disapproved
2002	242	176	23
2003	224	156	14
2004	247	124	9
<b>Jumlah / Total</b>	<b>713</b>	<b>458</b>	<b>46</b>



Jadual 2 : Statistik Permohonan Perlanjutan Kebenaran merancang Yang Dikemukakan Kepada Majlis Tahun 2002 Hingga 2004

*Table 2 : The Statistic of Application For extension of planning Permission Submitte to the Council From 2002 to 2004*

Tahun / Year	Dikemukakan / Submitted	Dilulus / Approved	Ditolak / Disapproved
2002	301	259	-
2003	295	259	-
2004	204	213	1
<b>Jumlah / Total</b>	<b>800</b>	<b>731</b>	<b>1</b>





**KES-KES LEMBAGA RAYUAN YANG DIKEMUKAKAN PADA TAHUN 2004**  
**BOARD OF APPEAL'S CASES SUBMITTED IN 2004**

48

NO. / NO.	NO. RUJUKAN / REFERENCE NO.	TARIKH DIKEMUKAKAN / DATE SUBMITTED	PERKARA / ITEM	KEPUTUSAN / ITEM
1	LR/PP/7/2004	8/11/2004	<p>Rayuan terhadap MPPP di atas penolakan kebenaran merancang untuk pemasangan menara dan kabin telekomunikasi yang bercanggah daripada syarat nyata di Jalan Tun Sardon, Pulau Pinang.</p> <p>Appeal against MPPPs' rejection of planning permission for erecting a telecommunication tower and for non compliance of the cabin stipulated conditions in Jalan Tun Sardon, Pulau Pinang</p>	<p>Rayuan ditolak</p> <p>Appeal rejected</p>
2.	LR/PP/13/2004	12/1/2004	<p>Rayuan terhadap MPPP oleh pembantah lot jiran yang membenarkan kebenaran merancang diberi kepada jirannya untuk cadangan 3 unit rumah di Jalan York Pulau Pinang.</p> <p>Appeal by neighbouring lot owners against MPPP's decision for granting planning permission for proposed 3 units of houses in Jalan York, Pulau Pinang.</p>	<p>Rayuan ditolak</p> <p>Appeal rejected</p>
3.	LR/PP/14/2004	12/1/2004	<p>Rayuan terhadap MPPP di atas penolakan kebenaran merancang untuk pembinaan kedai &amp; pejabat kerana tidak mengikut garisan bangunan di Jalan Cantonment Pulau Pinang.</p> <p>Appeal against MPPP's rejection of planning permission for the construction of shops and offices for not compliance of building line requirements in Jalan Cantonment, Pulau Pinang.</p>	<p>Belum diputuskan</p> <p>Yet to be decided</p>

4.	LR/PP/5/2004	30/7/2004	<p>Rayuan terhadap MPPP di atas penolakan kebenaran merancang untuk membina rumah sesebuah 3 tingkat bercanggah dengan kawalan-kawalan ketumpatan di kawasan Gelugor/Jalan Yeap Chor Ee.</p> <p>Appeal against MPPP's rejection of planning permission for construction of a 3 storey detached house for not compliance of density control in Gelugor / Jalan Yeap Chor Ee.</p>	<p>Belum diputuskan</p> <p>Yet to be decided</p>
5.	LR/PP/4/2004	12/1/2004	<p>Rayuan terhadap MPPP di atas penolakan kebenaran merancang untuk perumahan kos sederhana yang bercanggah dengan Pelan Dasar Perancangan dan kawalan pemajuan MPPP yang menunjukkan sebagai kawasan lapang dan rezab sungai di Jalan Relau , Pulau Pinang.</p> <p>Appeal against MPPP's rejection of planning permission for medium cost housing for not compliance of planning policy plan and MPPP's development control which indicates as open space and river reserve in Jalan Relau, Pulau Pinang.</p>	<p>Perayu menarik balik rayuan</p> <p>Appeal with drawn</p>
6.	LR/PP/3/2004	3/2/2004	<p>Rayuan terhadap MPPP di atas penolakan kebenaran merancang untuk perumahan (landed) kerana tapak kebenaran ditunjukkan sebagai rekreasi/kemudahan seperti yang diluluskan pelan tatasusun yang terdahulu di Jalan Bukit Gambir.</p> <p>Appeal against MPPP's rejection of planning permission for housing (landed) as the site is approved</p>	<p>Perayu menarik balik rayuan</p> <p>Appeal with drawn</p>

7.	LR/PP/8/2004	20/10/2004	Rayuan terhadap MPPP di atas penolakan kebenaran merancang untuk rumah sesebuah di Pondok Upeh.	Perayu menarik balik notis rayuan
			Appeal against MPPP's rejection of planning permission for a detached house in Pondok Upeh.	Appeal with drawn

### Garis panduan Kawalan Pemajuan

Dasar-Dasar dan Garis panduan Perancangan Pembangunan yang telah disediakan oleh Jabatan sejak tahun 1980 sehingga 2003 adalah sebanyak 40. Pada tahun 2004 sebanyak 1 garis panduan telah disediakan iaitu:-

- i) Garis panduan untuk kawalan pertukaran kegunaan bangunan kediaman sedia ada berhadapan jalan Sungai Kelian, Tanjung Bunga- Pelan No. MPPP/PM-041/PG/SG. KELIAN (D1/2004)-9.11.2004

### Rancangan Pemajuan

#### 1. Rancangan Struktur Negeri

Draf Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang sedang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang.

#### 2. Rancangan Tempatan Pulau Pinang

Pada tahun 2004, Jabatan hanya mengemaskini data-data asas seperti gunatanah, tekanan pemajuan, laporan kajian Rancangan Tempatan MPPP. Satu kajian semula yang menyeluruh akan dilaksanakan sebaik sahaja Draf Rancangan Struktur Negeri di serantakan kepada orang ramai.



### Development Control Guidelines

40 Policies and Development Planning Guidelines were formulated by the department from 1980 to 2003. A guideline was formulated in 2004 i.e :-

- i) Guidelines for the control of conversion of use of existing residential buildings opposite Jalan Sungai Kelian, Tanjung Bunga-Plan No. MPPP/PM-041/PG/SG. KELIAN (D1/2004) - 9.11.2004.


### Development Plan

#### 1. State Structure Plan

The Penang State Structure Plan was prepared by the Penang State Town and Country Planning Department.

#### 2. Penang Local Plan

The Department only update basic data such as land use, development impact, survey report of the MPPP Local Plan. A thorough review will be implemented once the Draft State Structure Plan is exhibited to the public.





**JABATAN KEJURUTERAAN**  
**ENGINEERING DEPARTMENT**



## JABATAN KEJURUTERAAN

Jabatan Kejuruteraan adalah Jabatan yang bertanggungjawab atas kerja-kerja berkenaan dengan perancangan, rekabentuk pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan awam, lorong belakang (di kawasan bandar dan Zon Perindustrian Bebas) parit-parit pencurahan, lampu-lampu jalan dan kawalan-kawalan lalulintas, kerja tanah di Pulau Pinang (Pulau) dan penyelenggaraan tapak pelupusan sampah.

### FUNGSI-FUNGSI JABATAN

#### BAHAGIAN JALAN

Merancang dan melaksanakan projek-projek pembinaan jalan dan parit di kawasan Bandar.

Menimbang dan meluluskan permohonan bekalan lampu-lampu jalan bagi seluruh Pulau Pinang.

Menimbang dan meluluskan permohonan menggali jalan oleh jabatan-jabatan perkhidmatan.

Perancangan dan pengawalan sistem lalulintas di seluruh Pulau Pinang kecuali di jalan-jalan Persekutuan.

Penyelenggaraan dan pembaikan jalan-jalan, gegili-gegili dan parit di kawasan Bandar dan Zon Perindustrian Bebas.

Pengawalan kerja-kerja tanah bagi pembangunan di seluruh Pulau Pinang.

Memberi bantuan seperti bahan-bahan dan alat-alat untuk menjalankan kerja-kerja gotong-royong di bawah Skim Kemajuan Kampung.

Menimbang dan mengulas permohonan mengenai lesen-lesen gerai, kedai makan, restoran, tempat hiburan awam dan iklan.

#### BAHAGIAN LALULINTAS

Perancangan dan Pengawalan Sistem Lalulintas di seluruh Pulau Pinang (Pulau) kecuali di jalan-jalan Persekutuan.

Menimbang dan mengulas permohonan mengenai lesen-lesen gerai, kedai makan, restoran, tempat hiburan awam dan iklan.

Mencadangkan nama-nama untuk jalan-jalan awam.

Menimbang permohonan warden lalulintas untuk sekolah.

Memproses permohonan untuk lampu-lampu jalan dari orang awam.

## ENGINEERING DEPARTMENT

The Engineering Department is responsible for works relating to planning, design, construction and maintenance of public roads, backlanes, outfall drains, street lighting and traffic control, earthworks, on Penang Island and maintenance of the dumping ground..

### FUNCTIONS OF THE DEPARTMENT

#### ROAD SECTION

Planning and implementation of road construction and drainage projects in the city.

Consideration and approval of applications for street lighting for the whole of Penang Island.

Consideration and approval of application for road diggings by utility departments.

Planning and control of traffic system for the whole of Penang Island except Federal roads.

Maintenance and repairs of roads, pavements and drains within the city area and also the Free Industrial Zone.

Control of earthworks in respect of developments for the whole of Penang Island.

Provision of assistance in the form of materials and tools for "gotong-royong" activities under the Kampung Development Scheme.

Consideration and comment on application for licences for stalls, eating shops, restaurants, public amusement places and advertisements.

#### TRAFFIC SECTION

Traffic System Control and planning throughout Penang Island except at Federal Roads.

To consider and comment applications regarding stall licenses, eating shops, restaurant, public entertainment places and advertisement

To propose names for public roads.

To consider traffic warden applications from schools.

Processing applications for street lights from the public.

Pengawalkerja-kerjasanitaribagipembangunan di seluruh Pulau Pinang.

Mengurus dan menyenggara tapak pelupusan sampah.

#### BAHAGIAN MEKANIKAL

Membeli, menyenggara dan membaik-pulih kenderaan-kenderaan serta loji dan membaik-pulih segala peralatan mekanikal.

Memberi kemudahan perkhidmatan dan penyewaan kenderaan serta jentera-jentera kepada Jabatan Kerajaan dan sektor swasta.

Mengawal stor barangan untuk kegunaan jabatan-jabatan dalam MPPP.

Membantu di dalam melupuskan maklumat penting, bahan-bahan tidak terpakai dan bahan-bahan yang perlu dilupuskan.

#### PENCAPAIAN-PENCAPAIAN JABATAN

##### BAHAGIAN JALAN

Sebanyak 0.6102 km jalan dan 0.3965 km lorong belakang telah diisytiharkan sebagai jalan awam. Jumlah panjangnya jalan awam yang diselenggarakan ialah 236.0132 km dan 63.5681 km lorong belakang.

Meluluskan sebanyak 27 pelan jalan dan parit, 25 pelan lampu jalan dan 59 pelan kerja tanah untuk Skim Pembangunan Perumahan oleh Pihak Swasta.

Melaksanakan projek pelebaran jalan, kerja-kerja penyelenggaraan jalan, parit, gegili-gegili, mengecat garisan lalulintas dan tiang lampu jalan.

Meluluskan 19 permohonan untuk pembekalan bahan-bahan membaiki laluan-laluan kampung secara bergotong-royong bernilai RM69,473.68.

To control sanitary works for development throughout Penang Island.

Management and maintenance of the dumping ground.

#### MECHANICAL SECTION

Purchase, maintenance and overhauling vehicles and plants as well as making and overhauling all mechanical equipments.

Providing service facilities and rental of vehicles and machinery to government departments and also the private sector.

Maintaining a store of materials stock for use by MPPP departments.

Assisting in the disposal of vital documents, unused materials and also materials that needs to be disposed off.

#### ACHIEVEMENTS OF THE DEPARTMENT

##### ROAD SECTION

0.6102 km of roads and 0.3965 km of backlanes were declared as public roads. The total length of public road maintained was 236.0132 km and that of backlanes was 63.5681 km.

Approval of 27 road and drainage plans, 25 street lighting plans and 59 earthworks plans for the Housing Development Scheme by the private sector.

Implementation of road widening projects, road maintenance works, drains, pavement, painting of traffic lines and street lamp posts.

Approval of 19 applications for the supply of materials amounting to RM 69,473.68 to repair Kampong roads through "gotong royong" projects.



**BAHAGIAN LALULINTAS**

Melaksanakan projek lalulintas seperti jalan sehalu, penyusunan semula lalulintas, pemasangan lampu isyarat dan larangan meletak kereta.

Sebanyak 171 permohonan untuk lampu jalan diproses dan 165 permohonan telah diluluskan.

Sebanyak 292 permohonan Pelan sanitari telah diproses dan 255 pelan telah diluluskan.

**BAHAGIAN MEKANIKAL**

Sebanyak 2,244 unit kenderaan telah dibaiki dan dibaik-pulih. Bahagian ini juga berfungsi sebagai penilai kenderaan Majlis dan dalam tahun 2004 sebanyak empat (4) motokar telah dinilai untuk tujuan pinjaman kenderaan Majlis oleh kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Selain dari itu bahagian ini dipertanggungjawab untuk membeli semua peralatan mekanikal dan pembelian/pengantian kenderaan untuk semua Jabatan di dalam Majlis.

Selain daripada itu bahagian ini juga ditugaskan untuk menyimpan semua stok yang dipakai oleh Majlis. Ianya adalah untuk kemudahan kepada semua Jabatan di dalam Majlis untuk menggunakan barangan yang diperlukan di samping menyatukan pembelian barangan kepada Majlis.

Bahagian ini juga merupakan bahagian yang dipertanggungjawab untuk melupuskan semua dokumen sulit Kerajaan, bahan organik yang perlu dilupuskan secara pembakaran, dadah dan bahan-bahan buangan hospital. Jumlah keseluruhan pelupusan secara ini pada tahun 2004 adalah sebanyak 34,657 kg.

**TRAFFIC SECTION**

Implementation of traffic related projects, such as one-way streets, traffic rearrangements, traffic light installation and parking prohibitions.

A total of 171 applications for street lights were processed and 165 applications have been approved.

A total of 292 applications for sanitary plans were processed and 255 plans have been approved.

**MECHANICAL SECTION**

A total 2,244 units of vehicle were repaired and overhauled. This section also functions as a valuer for Council vehicles and in 2004 four (4) motocars were valued for purposes of Council vehicle loans by the Penang Municipal Council staff. This section is responsible for purchase of all equipments and purchase/replacement of vehicles for all Council departments.

Apart from that this section has also been given the duty of keeping all stock utilized by the Council. This is meant as a facility for departments to utilise necessary materials apart from being the sole purchaser of materials for the Council.

This section is responsible for the disposal of all confidential government documents, as well as organic matter that need to be disposed off by burning, drugs and waste materials from hospitals. The total quantity disposed off in this manner in 2004 was 34,657 kg.





**JABATAN KESIHATAN AWAM**  
**PUBLIC HEALTH DEPARTMENT**





## JABATAN KESIHATAN AWAM

### BAHAGIAN PENTADBIRAN

Bahagian ini bertanggungjawab bagi pentadbiran am Jabatan termasuk perkhidmatan personel untuk 237 orang kakitangan, fungsi-fungsi kiriman dan rekod, kewangan, komputer dan taip-menaip serta pengawasan aduan oleh orang ramai.

Walau bagaimanapun, Jabatan ini masih mempunyai 167 kekosongan jawatan yang belum diisikan.

### BAHAGIAN KLINIK KAKITANGAN

Sejumlah 9,766 kes dirawat di klinik kakitangan di KOMTAR dan S.P. Chelliah. Perkhidmatan Makmal termasuklah pemeriksaan 727 specimen.

### BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT

Unit kawalan vektor membuat 108,395 pemeriksaan ke atas premis dan tanah kosong dan 540 kompaun DDBIA telah dikeluarkan. Sejumlah 3,953 premis telah diperiksa untuk kawalan rodensa dan 16,987 ekor tikus ditangkap. 33,715-ekor-burung-gagak-diperangkap dan dimusnah menggunakan 29 buah perangkap gagak. Bahagian ini juga menyiasat dan mengambil tindakan ke atas 634 aduan. Terdapat 505 kes Demam Denggi/Demam Denggi Berdarah dan 182 kes Batuk Kering dilaporkan.

### BAHAGIAN VETERINAR

Sejumlah 88,011 ekor batang disembelih di Rumah Sembelih Majlis dan 37,049 ekor di 4 buah rumah sembelih swasta yang dilesenkan oleh Majlis.

Pegawai-pegawai menjalankan pemeriksaan di rumah sembelih swasta, pasar dan kedai daging salai sebagai sebahagian daripada tugas penguatkuasaan mereka.

### BAHAGIAN KAWALAN MUTU MAKANAN

Bahagian Kawalan Mutu Makanan mengambil 370 contoh makanan untuk analisa mikrobiologi dan kimia, 59 contoh tidak mematuhi syarat, 34 notis amaran dikeluarkan. 33 daripada 404 contoh air minum tidak mematuhi mutu di bawah Program Kebangsaan Pengawasan mutu Air Minum.

Sejumlah 178 buah intitusi pendidikan tadika, taska dan pusat jagaan diperiksa dan laporan dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

## PUBLIC HEALTH DEPARTMENT

### ADMINISTRATION DIVISION

This division is responsible for the general administration of the Department including personnel service for 237 staff, dispatch and records, finance, computer and typing functions and monitoring of public complaints.

However, there are 167 posts yet to be filled.

### STAFF CLINIC DIVISION

A total of 9,766 cases were attended to at the Staff Clinics at KOMTAR and Jalan S.P.Chelliah. Laboratory Services included examination of 727 specimens.

### COMMUNICABLE DISEASES CONTROL

The Communicable Diseases Control Division carried out 108,395 inspections of premises and vacant lands. 540 compounds DDBIA have been issued. A total of 3,953 houses and out-door sites were inspected for rodent control and 16,987 rats were caught. Through crow-trap, 33,715 crows were trapped in 29 crow traps and destroyed. The section also investigates and takes action on 634 complaints. 505 Dengue/Dengue Haemorrhagic Fever and 182 T.B cases were reported.

### VETERINARY DIVISION

A total of 88,011 animals were slaughtered at the Council's Abattoir and 37,049 at the 4 private slaughter houses licensed by Council.

Officers carried out inspection at private slaughter houses, markets and meat shops as part of their enforcement duties.

### FOOD QUALITY CONTROL DIVISION

The Food Quality Control Division took 370 samples of food for microbiological and chemical analysis, 59 samples did not comply. 34 warning notices were issued. 33 of 404 drinking water samples did not comply under the National Drinking Water Quality Surveillance Programme.

A total of 178 educational institution, kindergartens, nurseries and care center were inspected and reports submitted to the Education Departments and Department of Social Welfare.



#### BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN AWAM

Bahagian bertanggungjawab dalam memberi kefahaman dan kesedaran tentang kebersihan serta kesihatan awam kepada murid-murid sekolah rendah dengan memberi ceramah-ceramah dan menganjur pameran-pameran. Di samping itu, bahagian ini juga menjalani kempen-kempen semasa berlaku wabak.

Sebanyak 177 ceramah pengendali makanan telah diadakan.

Sebanyak 296 ceramah dan 15 pameran telah diadakan di sekolah-sekolah dan tempat-tempat awam.




#### PUBLIC HEALTH EDUCATION DIVISION

This division is responsible for educating and providing consciousness on cleanliness and public health to school children of lower education, by giving talks and organising exhibitions. In addition, this division also carries out campaigns during epidemic outbreak.

A total of 177 health talks for food handlers were held.

A total of 296 health talks and 15 exhibitions were held.







## JABATAN PENILAIAN

### FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

- Menyedia, mengendali dan mengemaskini senarai nilai bagi semua hartanah yang boleh dikenakan kadar;
- Menyelia, mengendali dan mengemaskini satu senarai harta-harta Kerajaan untuk sumbangan membantu kadar;
- Memproses dan memperaku permohonan pengecualian remisi dan pulangan balik kadar untuk kelulusan Majlis;
- Memberi perkhidmatan penilaian secara profesional kepada Majlis untuk berbagai-bagai tujuan; dan
- Memberi nasihat secara profesional mengenai pembangunan dan pelaburan hartanah.

### OBJEKTIF JABATAN

Memberi nasihat tentang penilaian hartanah, pembangunan dan pelaburan hartanah dan kajian feasibiliti dengan:

- Integriti profesional
- Ketepatan masa dalam perkhidmatan
- Kecekapan dari segi penjimatan kos



## VALUATION DEPARTMENT

### FUNCTION AND RESPONSIBILITY

- To prepare, maintain and update the valuation list of all rateable hereditaments;
- Supervise, maintain and update a list of Government properties for contribution in aid of rates;
- Process and recommend applications for exemption, remission and refund of rates for councils approval ;
- To provide professional valuation consultancy services to Council for various purposes; and
- To give professional consultancy on property development and property investment.

### OBJECTIVES OF THE DEPARTMENT

To provide consultancy on real estate valuation, development, investment and feasibility studies, with:

- Professional integrity
- Punctuality in time and services.
- Efficient in terms of cost saving



### Perjawatan Jabatan Penilaian 2004 Department Establishment 2004

GELARAN JAWATAN TETAP / PERMANENT POST TITTLE	GED / GRADE	BIL. JAWATAN/ NO. OF POST	BIL. KEKOSONGAN / NO. OF VACANCIES
Pengarah Penilaian / <i>Director of Valuation</i>	W2	1	-
Pegawai Penilaian / <i>Valuation Officer</i>	W3	2	-
Penolong Pegawai Penilaian / <i>Asst. Valuation Officer</i>	W6	7	2
Penolong Pegawai Tadbir / <i>Administrative Assistant</i>	N6	1	-
Pembantu Tadbir Kanan / <i>Senior Clerical Officer</i>	N7	1	-
Juruteknik / <i>Technician</i>	J7	1	-
Pembantu Penilaian / <i>Valuation Assistant</i>	W8	11	1
Pembantu Tadbir / <i>Clerical Officer</i>	N9	20	1
Jurutrengkas / <i>Stenographer</i>	N9	1	-
Jurutaip / <i>Typist</i>	N11	2	1
Penghantar Notis / <i>Notice Server</i>	N12	1	-
Pembantu Am Rendah / <i>Office Boy</i>	N13	1	-
<b>JUMLAH / TOTAL</b>		<b>49</b>	<b>5</b>


GELARAN JAWATAN KONTRAK/SEMENTARA / CONTRACT / TEMPORARY POST TITLE	GED / GRADE	BIL. JAWATAN / NO. OF POST	BIL. KEKOSONGAN / NO. OF VACANCIES
Pembantu Penilaian (Sementara) / Valuation Assistant (Temporary)	W8	8	7

Laporan Analisa Kadaran Bagi Tahun 2004  
Rates Analysis Report For 2004

KAWASAN 1 / AREA 1		Jumlah Pegangan Yang dikenakan Bayaran Bagi Tahun 2004			
Bil./ No.	Jenis Harta / Properties Types	Jumlah Harta / No. of Properties	Nilai Tahunan / Annual Value	%	Kadar Bayaran / Rates Payment
1.	Industri / <i>Industrial</i>	645	14,194,620	11.5	1,632,381.30
2.	Perdagangan / <i>Commercial</i>	12,673	279,184,780	10.2	28,476,847.56
3.	Kediaman(F) / <i>Residential(F)</i>	30,867	88,456,120	9.0	7,961,050.80
	Kediaman(R) / <i>Residential(R)</i>	20,598	64,241,130	9.5	6,102,907.35
4.	Kelab / <i>Clubs</i>	239	4,434,560	10.5	465,628.80
5.	Hotel / <i>Hotels</i>	40	19,894,880	11.5	2,287,911.20
6.	Tanah Kemajuan / <i>Lands Development</i>	531	40,286,810	5.0	2,014,340.50
	<b>Jumlah / Total</b>	<b>65,593</b>	<b>510,692,900</b>		<b>48,941,067.51</b>

KAWASAN 2 / AREA 2		Jumlah Pegangan Yang dikenakan Bayaran Bagi Tahun 2004			
Bil./ No.	Jenis Harta / Properties Types	Jumlah Harta / No. of Properties	Nilai Tahunan / Annual Value	%	Kadar Bayaran / Rates Payment
1.	Industri / <i>Industrial</i>	853	125,663,640	11.5	14,451,318.60
2.	Perdagangan / <i>Commercial</i>	7,838	112,248,790	9.3	10,439,137.47
3.	Kediaman(F) / <i>Residential(F)</i>	83,558	146,785,350	7.8	11,449,257.30
	Kediaman(R) / <i>Residential(R)</i>	42,077	73,694,370	8.3	6,116,632.71
4.	Kelab / <i>Clubs</i>	63	4,087,090	10.5	429,144.45
5.	Hotel / <i>Hotels</i>	22	32,070,780	14.3	4,586,121.54
6.	Tanah Kemajuan / <i>Lands Development</i>	2,941	100,634,670	1.4	1,408,885.38
7.	Tanah Pertanian / <i>Lands Agriculture</i>	4,303	23,519,850	1.0	235,198.50
	<b>Jumlah / Total</b>	<b>141,655</b>	<b>618,704,540</b>		<b>49,115,695.95</b>

<b>JUMLAH BESAR / TOTAL</b>	<b>207,248</b>	<b>1,129,397,440</b>	<b>98,056,763.46</b>
-----------------------------	----------------	----------------------	----------------------





# JABATAN PELESENAN LICENSING DEPARTMENT

KEDAI MAKANAN LING HENG  
隆興園

RESTORAN JEPUN  
吉司 寧坂  
SUNNY LAYNE  
MUSLIMAH

旺角食店  
W.E. WONG KOK RESTAURANT

PAULANER  
Knuckle in Town  
PINT FOR ONLY  
RESTAURANT EURO DELI GRILL

ch





## JABATAN PELESENAN

Jabatan ini ditubuhkan pada 3 Mei 1993 untuk berfungsi sebagai pusat sehenti bagi memproses dan mengeluarkan lesen-lesen Majlis.

### OBJEKTIF

- Memudahkan proses permohonan lesen
- Menyelaraskan semua perniagaan, industri, perniagaan kecil, pengiklanan, anjing dan kenderaan tanpa motor melalui pelesenan.
- Memastikan penyediaan dan pengendalian makanan mematuhi amalan kebersihan.
- Mengurangkan masalah aktiviti perniagaan kecil melalui program mewujudkan tapak perniagaan baru dan penempatan semula.
- Memastikan kemudahan pasar, kompleks dan tapak penjaja diselenggara dan dipertingkatkan.

### BAHAGIAN PEMEROSAN

Bahagian ini dibahagikan kepada

- Unit Pendaftaran dan Pengeluaran lesen Tred dan Perniagaan.
- Unit pengurusan Pengeluaran dan Pembaharuan Lesen.

### FUNGSI JABATAN PELESENAN

- Pemerosan, Pengeluaran & Pembaharuan Lesen Tred & Perniagaan termasuk Minuman Keras bagi Pihak Kerajaan Negeri.
- Pemerosan, Pengeluaran & Pembaharuan semua jenis Lesen Perniagaan Kecil.
- Urusetia bagi pihak Majlis untuk permohonan yang dirujuk oleh Jabatan-Jabatan Persekutuan dan Negeri.
- Pengawalan / Pengeluaran Lesen Iklan, Garaj, Tempat Hiburan Awam.
- Pengawalan / Pengeluaran Lesen Kenderaan Tanpa Motor.
- Pengawalan / Pengeluaran Lesen Anjing.
- Kawalan Pemeriksaan Premis Tred, Perniagaan, Industri dan Establisymen Makanan
- Kawalan / Penyelenggaraan ke atas Pasar, Komplek Penjaja, Tapak Penjaja Sementara dan Pasar Malam.
- Pelaksanaan perancangan Pasar-pasar baru, Komplek dan Tapak Penjaja Sementara.
- Kawalan / Pemeriksaan terhadap Penjaja.



## LICENSING DEPARTMENT

This department was established on 3 May 1993 to function as a one stop center for the processing and issuance of council's licences.

### OBJECTIVES

- Facilitating the process of applications for licences.
- Coordinating all trades, industries, petty trading, advertisement, dogs and non-motorised vehicles through licensing.
- Ensuring that the preparation and handling of food comply with hygienic practices
- Reducing problems pertaining to petty trading activities through the establishment of new trading sites or relocation programme.
- Ensuring that the markets, complexes and hawker sites are maintained and improved.

### PROCESSING SECTION

This section is divided into,

- Registration and Issuing of Trade Licence and Business Unit.
- Licence Issuing and Renewal Management Unit.

### LICENSING DEPARTMENT'S FUNCTION

- Processing, Issuing & Renewal of Trade & Business Licences including liquor on behalf of the State Government.
- Processing, Issuing & Renewal of all types of Petty Trading Licences
- Acting as Secretariat on behalf of the Council pertaining to applications referred by Federal and State Departments.
- Control/Issue of Advertisement, Garage and Public Entertainment.
- Control/Issuing of Non-motorised vehicle Licences.
- Control/Issuing of Dog Licences.
- Control/Inspection of Trade, Business, Indoor trade Premises & Food establishments.
- Control/Maintenance of Markets, Hawkers Complexes, Temporary Hawker's Sites and Night Markets.
- Implementation of programme for new Markets, Complexes and Temporary Hawker's sites.
- Control/Inspection of Hawkers.



## BAHAGIAN PENTADBIRAN

Bahagian ini mengurus pentadbiran am pentadbiran kewangan dan pengurusan personel. Aktiviti utama bahagian ini adalah seperti berikut:-

- Menjalankan pengurusan fail, surat menyurat, urusan cuti, mengurus kad perakam waktu, mengurus pembayaran bagi bil-bil tuntutan.
- Mengurus pengesahan dalam jawatan / perlanjutan tempoh percubaan, pelaksanaan kemasukan ke dalam jawatan pencen, pelaksanaan penilaian prestasi tahunan dan laporan sulit.
- Pembelian bekalan perabot dan alat kelengkapan pejabat dan menyenggara alat-alat mesin.

## BAHAGIAN PROSESAN

Bahagian ini dibahagikan kepada Unit Pendaftaran dan Pengeluaran Lesen dan Unit Pengurusan Pengeluaran dan Pembaharuan Lesen.

### UNIT PENDAFTARAN DAN PENGELUARAN LESEN

Unit ini bertanggungjawab terhadap :

- Mendaftar permohonan, memproses permohonan baru dan pindahmilik untuk mendapatkan pelbagai lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan ini.
- Mengurus pengeluaran dan pembaharuan semua jenis lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan ini dan lesen minuman keras bagi pihak kerajaan negeri.
- Mengurus Mesyuarat CLIP Jawatankuasa Ad-Hoc Pelesenan. Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan bertindak sebagai sekretariat bagi pihak Majlis untuk permohonan yang dirujuk oleh Kementerian dalam Negeri, Pejabat Daerah dan Pihak Polis.

Sebanyak 1324 permohonan untuk mendapat lesen baru telah diterima dan diproses. Di sepanjang tahun 2004 sebanyak 848 permohonan telah diluluskan (sebanyak 116 permohonan masih dalam proses dan dibawa ke tahun berikutnya).

### UNIT PENGURUSAN PENGELUARAN DAN PEMBAHARUAN LESEN

Unit ini bertanggungjawab terhadap :

- Pengeluaran, pembaharuan dan pembatalan semua lesen dan permit yang dikeluarkan oleh Jabatan ini.
- Menguruskan perkhidmatan kaunter kutipan bayaran lesen harian, kutipan tunggakan bayaran lesen yang telah dibatalkan dan mengurus kerja-kerja mengedar bil-bil komputer bulanan serta keratan bil kutipan lesen.

## ADMINISTRATION SECTION

This section deals with general and financial administration as well as personel management.

- Management of files, correspondence, matters pertaining to leave, punch card, payment of bills and claims.
- Confirmation in post/extension of probationary period, emplacement on pensionable establishment, assessment of annual performance and confidential report.
- Purchase of furniture and office equipment and maintenance of mechanized equipments.

## PROCESSING SECTION

This section is divided into the Licence Registration and Issuing and Renewal Management Unit.

### LICENCE REGISTRATION AND ISSUING UNIT

The unit is responsible for :

- Registration of application, processing of new applications and transfer of licences for the various licences issued by the Department.
- Issuing and renewal of all types of licences issued by the Department and liquor licence on behalf of the State Government.
- Handling of CLIP, Licensing Ad-Hoc Committee, Licensing Committee Meeting and acting as secretariat on behalf of the Council for applications referred by the Ministry of Home Affairs, District Office and Police.

A total of 1324 applications for new licences were received and processed. In 2004 a total of 848 were approved (116 applications are still being processed and brought forward to the following year).

### LICENCE ISSUING AND RENEWAL MANAGEMENT UNIT

The unit is responsible for :

- Issue, renewal and cancellation of all licences and permits issued by the Department.
- Counter service for the collection of daily licence fees, arrears of cancelled licence fees and carrying out work pertaining to distribution of monthly computer bills and licence collection stubs.

- Menguruskan, menyimpan dan mengemaskini rekod dan data semua lesen yang dikeluarkan atau diperbaharui.

#### BAHAGIAN TEKNIKAL

Bahagian ini dibahagikan kepada Bahagian Teknikal (Pelbagai) dan Bahagian Teknikal (Kesihatan)

Bahagian ini terdiri daripada tiga unit iaitu :

- Unit Iklan, Garaj & Tempat Hiburan Awam
- Unit Kenderaan Tanpa Motor
- Unit Kawalan Anjing

#### UNIT IKLAN, GARAJ DAN TEMPAT HIBURAN AWAM

Fungsi unit ini adalah :

- Pengenaan syarat-syarat pelesenan bagi permohonan lesen dan melaksanakan pengeluaran dan pembaharuan bagi lesen Iklan, Tempat Hiburan Awam dan Garaj.
- Mengambil tindakan terhadap Iklan, Tempat Hiburan Awam dan Garaj haram atau tanpa kebenaran atau permohonan yang telah ditolak oleh Majlis.

Sebanyak 4292 lesen Iklan dan 9139 permit Sepanduk & Streamers dan 181 lesen garaj dikeluarkan sepanjang tahun 2004 . Sebanyak 1187 kompaun atas premis-premis berhubung Iklan, Garaj dan hiburan telah dikeluarkan.

#### UNIT KENDERAAN TANPA MOTOR

Unit ini melaksanakan fungsi-fungsi berikut :

- Memproses dan meluluskan permohonan baru lesen Kenderaan Am menjalankan pemeriksaan kenderaan am/beca awam dan mengeluarkan patil untuk kenderaan am.
- Memproses, meluluskan, mengeluarkan dan membaharui lesen pengayuh beca serta menjalankan ujian isyarat jalanraya dan mengayuh beca awam.
- Mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kenderaan tanpa motor kerana tiada lesen atau tidak membaharui lesen.

#### UNIT KAWALAN ANJING

Unit ini melaksanakan tugas-tugas berikut :

- Mengawal dan melesenkan anjing pemeliharaan, menangkap anjing tanpa lesen dan memusnahkannya jika tidak dituntut.
- Menyiasat dan menjalankan pemeriksaan terhadap aduan yang diterima.

- Manage, maintain and updating of records and date of all licences issued or renewal.

#### TECHNICAL SECTION

This Section is divided into the Technical Section (Miscellaneous) and Technical Section (Health)

This section comprises of three units, namely :

- Advertisement, Garage and places of Public Entertainment unit.
- Non-motorised vehicles unit.
- Dog Control unit.

#### ADVERTISEMENT, GARAGES AND PLACES OF PUBLIC ENTERTAINMENT

The functions of this unit are :

- Imposing licensing conditions for licence applications and issuance as well as renewal of licences for Advertisement, places of Public Entertainment and Garages.
- Action against unlicensed Advertisements, Places of Public Entertainment and illegal Garages or applications rejected by the Council.

A total of 4292 advertisement licences, 9139 permits for Banners and Streamers and 181 garage licences were issued in 2004. 1187 compound were issued to premises pertaining to Advertising and Garage licences.

#### NON-MOTORISED VEHICLES UNIT

The functions of this unit are as follows :

- Processing and approval of new applications for General Vehicle licence, inspection of general vehicles/trishaws and issue of number plates for general vehicles.
- Processing, approval, issue and renewal of trishaw rider's licence and conducting test pertaining to road signs and trishaw riding.
- Enforcement action on non-motorised vehicles for not having licences as non renewal of licence.

#### DOG CONTROL UNIT

The functions of the unit are as follows :

- Control and licensing of dogs, catching and termination of unlicensed dogs if they are not claimed.
- Investigation and inspection on complaints received.

Lesen Tempat Hiburan Awam Yang Dikeluarkan Dalam Tahun 2004 /  
Places of Public Entertainment Licence issued in 2004

Banquet / Disco / Muzikal	59
Pawagam / Cinema	16
Kelab Malam / Pub / Karaoke	58
Bowling	4
Video Centre / Simulator	72
Snuker / Snooker	30
Lumba Kuda / Racecourse	1
<b>Jumlah / Total</b>	<b>240</b>

Unit Kenderaan Tanpa Motor / *Non Motorised Vehicles Unit*

Jenis Lesen / <i>Type of License</i>	Jumlah / <i>Total</i>
Kenderaan Tanpa Motor / <i>Non Motorised Vehicle</i>	1684
Beca Awam / <i>Public Trishaws</i>	650
Pengayuh Beca Awam / <i>Trishaws Rider</i>	141

Unit Kawalan Premis-premis Berlesen 2004 / *Licensed Premises Control Unit 2004*

Establisymen makanan / <i>Food Establishment</i>	2646
Tred dan Perniagaan / <i>Trade and Business</i>	1175
Industri / <i>Industry</i>	3027
Lain-lain lesen / <i>Other Licences</i>	-
<b>Jumlah / Total</b>	<b>6848</b>

**BAHAGIAN TEKNIKAL (KESIHATAN)**

Bahagian ini terdiri daripada dua unit iaitu :

- Unit Kawalan Premis Berlesen
- Unit Perniagaan Kecil

**UNIT KAWALAN PREMIS-PREMIS BERLESEN**

Aktiviti utama unit ini ialah :

